

**PENGGUNAAN MAṢLAḤAH DALAM PEMBENTUKAN
STANDARD IJĀRAH YANG DIKELUARKAN OLEH
BANK NEGARA MALAYSIA: SUATU
SOROTAN LITERATUR***

***The Application of Maṣlahah in Constitution of the Ijārah
Standard Issued by Bank Negara Malaysia (BNM):
A Literature Review***

Siti Hajar Roslan

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
siti.hajar.roslan92@siswamail.um.edu.my*

Mohd. Hafiz Jamaluddin

*Senior Lecturer, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
hafiz_usul@um.edu.my*

Ahmad Hidayat Buang

*Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
ahidayat@um.edu.my*

ABSTRACT

In order to achieve the maqāṣid al-sharī'ah within the framework of the Islamic banking system in Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) requires that every action taken including the establishment of ijārah standard must be based on clear and recognized Islamic law sources. However, there has been no written guideline or

* Penulis merakamkan penghargaan kepada Program Penyelidikan Kewangan Islam MOHE-UM-INCEIF No. Geran MO007-2017 di atas pemberian dana penyelidikan bagi penulisan artikel ini.

*specific regulation set for Bank Negara Malaysia's Shariah Advisory Council (MPS BNM) in making decisions. This article will discuss about the status of *maṣlaḥah* and its application as a legal source in the Islamic banking sector in Malaysia through a review of the establishment of the *ijārah* standard issued by BNM. In this study, the documentation method is used to collect data related to it. Then, the data will be analyzed using descriptive method. The results of the previous studies highlighted that the discussion of using *maṣlaḥah* in constitution of the *ijārah* standard is only reviewed in general view without analyzing its suitability according to *Hukum Syarak*. Although the principle of *maṣlaḥah* is largely adopted in the field of Islamic banking in Malaysia, there are still disputes over the terms held in using *maṣlaḥah* as a source of law as mentioned by previous studies.*

Keywords: *maṣlaḥah*, standard *ijārah*, Bank Negara Malaysia

PENDAHULUAN

Maṣlaḥah merupakan antara sumber hukum Islam yang sering digunakan selepas wafatnya Rasulullah SAW bagi mengembangkan prinsip-prinsip Syariah selari dengan kehendak dan keperluan manusia dari semasa ke semasa (Hendri Hermawan Adinugraha, 2018: 63). Ini kerana terdapat banyak permasalahan baru yang timbul dan tiada gambaran hukum yang jelas dari mana-mana dalil al-Quran mahupun Hadis (Elvan Syaputra et al., 2014: 66). Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa perkara-perkara perundangan sebenarnya terbatas dari segi jumlah sedangkan persoalan yang sentiasa timbul di dalam kehidupan manusia tidak terbatas (Mohd Noor Deris, 1995: 24). Syariah sama sekali tidak bersifat sempit dalam meraikan kehendak dan amalan semasa berhubung muamalat dengan hanya membataskan rujukan kepada al-Quran dan aHadis (Shamsiah Mohamad, 2014: 2).

Di Malaysia, *maṣlaḥah* diiktiraf sebagai salah satu sumber hukum (Mohd Daud Awang et al., 2014: 17-18). Ringkasnya, banyak inovasi yang berlaku dalam urusan perbankan Islam diputuskan bersandarkan kepada prinsip *maṣlaḥah* (Ahmad Sufyan Che Abdullah, 2006; Mohd Daud Awang et al., 2014: 17-25; Shamsiah Mohamad, 2014: 69-70). Namun demikian, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa penggunaan *maṣlaḥah* sebagai sumber hukum pada masa kini didapati tidak mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip Syariah sepertimana yang digariskan oleh para ulama usul fiqh (Lokmanul Hakim, 2017: 125-142). Akibatnya, berlaku ketidakadilan dalam mengimbangi

maṣlahah pihak-pihak yang berkontrak termasuklah dalam urusanniaga yang melibatkan kontrak *ijārah* (Ridzwan Ahmad & Aziz Che Seman, 2009). Pihak institusi perbankan Islam didapati masih memainkan peranannya setanding dengan perbankan konvensional, iaitu mengejar keuntungan pada setiap masa dan ruang sehingga aspek kemaslahatan pelanggan kurang dititik beratkan berbanding *maṣlahah* bank (Ridzwan Ahmad & Aziz Che Seman, 2009).

Ketiadaan panduan atau peraturan bertulis yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia berhubung pemakaian sumber hukum termasuklah *maṣlahah* (Arifin Zakaria, 2013: 175) merupakan punca berlakunya pengeluaran hukum yang tidak konsisten daripada kalangan penasihat Syariah (Amir Shaharuddin, 2010: 130). Dalam membuat suatu keputusan berkaitan dengan kewangan Islam, penasihat Syariah kadangkala menjadi sangat *rigid* dengan hukum fiqh klasik dan gagal melihat kesan suatu produk dari perspektif yang lebih luas. Kadangkala juga, penasihat Syariah menjadi sangat liberal dengan menghapuskan syarat-syarat yang terdapat dalam kontrak Islam dengan menggunakan alasan *maṣlahah*.

Sebelum tergubalnya standard *ijārah*, urusanniaga tersebut tertakluk kepada undang-undang sivil seperti Akta Kontrak 1950, Akta Sewa Beli 1967 dan Kanun Tanah Negara 1965 (Hakimah Mohd Zin et al., 2016: 124). Dalam usaha mengharmonisasikan undang-undang syariah dan sivil, prinsip *maṣlahah* digunakan kerana sifatnya yang komprehensif dan dinamis berupaya menghasilkan hukum bersesuaian dengan realiti semasa dan kehendak syarak (Nidal al-Sayyed, 2009: 2). Justeru, satu kajian tentang penggunaan *maṣlahah* sebagai sumber hukum dalam pembentukan standard *ijārah* yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia perlu dilakukan dalam usaha menilai kepatuhannya dengan Hukum Syarak.

SOROTAN LITERATUR

Bagi mengenal pasti sama ada kajian yang bakal dijalankan ini mampu memberikan sumbangan dalam bidang ilmu, maka suatu sorotan literatur dilakukan. Dalam konteks di Malaysia, kajian mengenai penggunaan *maṣlahah* telah banyak ditulis dan diulas oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai bidang dan lapangan termasuklah dari aspek muamalat. Dalam usaha mengenalpasti jurang atau *lakuna* yang terdapat di antara kajian ini dengan kajian-kajian lepas, pengkaji telah melakukan tinjauan literatur melalui empat pecahan tema. Antaranya ialah (1) *maṣlahah* sebagai sumber hukum dalam muamalat Islam, (2) aplikasi *maṣlahah* sebagai sumber hukum dalam sistem kewangan

Islam di Malaysia, (3) Standard Syariah dan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), dan (4) kajian tentang standard *ijārah*.

MASLAHAH SEBAGAI SUMBER HUKUM DALAM MUAMALAT ISLAM

Muamalat adalah salah satu perkara atau bidang yang tidak banyak sekatan. Nas-nas yang berkaitan dengan muamalat hanyalah sebagai garis panduan. Ini bermakna, tiada aturan terperinci yang disediakan oleh Hukum Syarak berkaitan dengan muamalat. Oleh hal demikian, pertimbangan rasional dengan mengambil kira *‘urf* dan *maṣlahah* amat penting dalam membuat sebarang keputusan berkaitan dengan muamalat (Mohd Hashim Kamali, 1996).

Dalam bidang muamalat khususnya, terdapat banyak isu-isu baru yang timbul dari semasa ke semasa ekoran perubahan dan perkembangan zaman, budaya dan teknologi yang mana ia tidak dapat diselesaikan dengan hanya bersandarkan kepada al-Quran, hadis, *ijmā’* dan *qiyās*. Dalam mengatasi permasalahan ini, para ulama telah mengguna pakai pelbagai kaedah termasuklah *maṣlahah* dalam mengembangkan prinsip Syariah selari dengan keperluan semasa. Situasi terdesak ini merupakan antara faktor mengapa prinsip *maṣlahah* diangkat sebagai salah satu sumber hukum Islam khususnya dalam bidang muamalat. Sungguhpun begitu, para ulama berselisih pendapat dari segi kedudukannya sebagai sumber hukum memandangkan prinsip tersebut hanya muncul selepas kewafatan baginda Rasulullah SAW (Mohd Noor Deris, 1994: 16; Hendri Hermawan Adinugraha, 2018: 63).

Telah terdapat banyak penulisan dan kajian lepas yang menyentuh berkaitan dengan kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Antaranya ialah tulisan Hj. Said Agil Husin al-Munawar (1998); Mohd Noor Deris (1994); Ridzwan Ahmad (2004); Selamat Hashim (2010); Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Hayatullah Laluddin dan Amir Hussin Mat Noor (2011); Elvan Syaputra, Farid Noor Hilal, Muhammad Febriansyah, Issa Qaed, Muhammad Majdy Amiruddin, Muhammad Ridhwan Aziz (2014); Mohammad Rusfi (2014); Hendri Hermawan Adinugraha (2018) dan lain-lain. Rata-rata kajian yang dilakukan mengambil kira pendapat para ulama berhubung dengan persoalan tersebut.

Said Agil Husin al-Munawar (1998) dalam penulisannya mengkaji tentang kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum dari sudut pandang ulama selain imam mazhab seperti al-Ghazālī, al-Shāṭibī, al-Khawarizmī, Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, Wahbah Zuhaylī, Ḥusayn Ḥamid Ḥassan, Muṣṭafā al-Shalabī, Najm al-Dīn al-Ṭūfī dan lain-lain. Hasil daripada penelitian, pengkaji mendapati

secara umumnya para ulama bersepakat bahawa *maṣlahah* boleh dijadikan sebagai salah satu sumber hukum Islam khususnya dalam bidang muamalat. Namun, dalam hal keadaan yang bertentangan dengan nas Syarak, ulama selain al-Shalabī dan al-Ṭūfī tidak menganggap *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Sehubungan dengan itu, teori *maṣlahah* al-Ṭūfī tidak terhad kepada masalah-masalah muamalat sahaja bahkan metod ini juga boleh digunakan dalam bidang ibadat. Pegangan ini jelas membezakan pandangan al-Ṭūfī dengan ulama yang lain. Seterusnya, kajian ini juga turut meneliti pengertian *maṣlahah* secara terminologi yang diberikan oleh ulama-ulama. Hasil daripada beberapa kajian menunjukkan terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama ketika menakrifkan *maṣlahah* (Sakirman, 2016); Ahmad Qorib dan Isnaini Harahap 2016). Walau bagaimanapun, semua pengkaji berpendapat bahawa meskipun takrifan yang diberikan adalah berbeza namun dari sudut intipatinya adalah sama iaitu menolak kemudaratan dan mendatangkan manfaat.

Manakala dalam penulisan Elvan Syaputra, Farid Noor Hilal, Muhammad Febriansyah, Issa Qaed, Muhammad Majdy Amiruddin, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (2014) pula, pandangan imam-imam mazhab diambil kira dalam menghasilkan dapatan berhubung isu kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Berdasarkan kajian yang dijalankan, mereka mendapati bahawa kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum terbahagi kepada dua pendapat iaitu di sisi mazhab Syafie dan Zahiri; *maṣlahah* tidak diiktiraf sebagai sumber hukum atas alasan prinsip ini mendorong seseorang membuat keputusan berdasarkan hawa nafsu. Sementara di sisi majoriti ulama termasuk imam Hanafi, Maliki dan Hanbali pula, mereka berpandangan sebaliknya iaitu mengiktiraf kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum atas asas kehidupan manusia sentiasa berkembang dan berubah dari semasa ke semasa. Ini selari dengan undang-undang Syariah bertujuan memberikan manfaat dan menolak kemudaratan kepada seluruh manusia. Menurut golongan ini juga, kedudukan *maṣlahah* lebih luas daripada *qiyās* dan mempunyai kedudukan yang sama dengan *ijmā'*.

Seterusnya, Mohammad Rusfi (2014) dalam penulisannya mengambil kira pandangan kedua-dua golongan ulama iaitu imam-imam mazhab dan ulama daripada mazhab tersebut. Beliau merumuskan bahawa majoriti ulama menerima pakai prinsip *maṣlahah* sebagai kaedah istinbat hukum termasuklah ulama yang menyatakan penolakannya. Pemakaian *maṣlahah* dalam kalangan ulama yang menolak setelah diperhalusi ternyata diimplementasi dalam metode yang lain seperti imam Abu Hanifah yang menerapkan *maṣlahah* dalam metode *istiḥsān*. Manakala imam Syafie menerapkan *maṣlahah* dalam metode *qiyās*. Dapatan ini selari dengan hasil kajian yang diperolehi oleh Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Hayatullah Laluddin dan Amir Hussin Mat Noor (2011) yang juga mendapati bahawa semua ulama tanpa terkecuali,

memperakui peranan prinsip *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Meskipun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dari sudut penerimaannya, namun beliau berpandangan bahawa perbezaan berlaku hanya pada literal atau istilahnya sahaja. Ini terbukti melalui *ijtihad-ijtihad* yang telah dilakukan oleh mereka secara praktikal. Selain daripada istilah *maṣlahah*, prinsip ini juga dikenali dengan nama *qiyās*, dan *ijtihad*.

Terdahulu, Mohd Noor Deris (1994) dalam penulisannya telah menyatakan pandangan yang sama iaitu para ulama bukan sahaja berbeza pendapat tentang kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum, malah juga menggunakan istilah yang berlainan dalam pemakaiannya. Walau bagaimanapun, mereka hanya bersepakat bahawa *maṣlahah* merupakan salah satu daripada tujuan Syarak. Pandangan ini turut disokong oleh Hendri Hermawan Adinugraha (2018) dalam penulisannya. Beliau menambah lagi bahawa kredibiliti *maṣlahah* sebagai sumber hukum pada pandangan sesetengah ulama tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut menyebabkan prinsip *maṣlahah* yang digunakan tidak termasuk dalam kategori sumber hukum.

Perbincangan mengenai syarat-syarat ketika menjadikan *maṣlahah* sebagai sumber hukum banyak ditemui dalam penulisan-penulisan lepas. Contohnya Abbas Arfan yang mengkaji tentang pemakaian teori *maṣlahah* dari perspektif al-Buti, Muslimin Kara (2012); Noor Naemah Abdul Rahman, Mohd Anuar Ramli, Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh dan Muhammad Ikhlas Rosele (2013) pula mengkaji tentang pemikiran al-Syatibi terhadap konsep *maṣlahah*, Hayatullah Laludin serta Ahmad Munif membahaskan teori *maṣlahah* dari sudut pandang al-Ghazālī. Tidak kurang juga analisis teori *maṣlahah* berdasarkan pemikiran Najm al-Dīn al-Ṭūfī yang dilakukan oleh Asmadi Mohamed (2003); Khairunnas Rajab (2009); Intan Zarina (2011); Ridzwan Ahmad (2011); Imam Fawaid (2014); Abdul Hamid (2015); Syaiful Bahri (2015); dan Nurhadi (2017). Melihat kepada penulisan-penulisan tersebut, didapati terdapat perbezaan syarat yang ditetapkan dalam kalangan ulama. Namun yang paling kontroversi adalah syarat yang dikemukakan oleh Najm al-Dīn al-Ṭūfī. Daripada kajian tersebut, sesetengah penulis cuba mengaitkan syarat *maṣlahah* yang dikemukakan oleh ulama yang dikaji dengan kesesuaian masa kini. Hasilnya, berlaku perbezaan pendapat tentang syarat *maṣlahah* yang sesuai digunakan. Walau bagaimanapun, dapatan-dapatan yang dihasilkan hanya berdasarkan suatu pandangan ulama tertentu tanpa melihat dengan lebih menyeluruh kepada pandangan ulama-ulama yang lain.

Dari sudut pengklasifikasian prinsip *maṣlahah* sebagai sumber hukum, para ulama berbeza pendapat. Ada sebahagian ulama mengklasifikasikan

prinsip *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Sementara sebahagian yang lain pula mengkategorikannya dengan pelbagai terma yang berbeza seperti dalil hukum, metode, prinsip dan sebagainya. Pandangan-pandangan ulama ini kebanyakannya ditemui dalam kajian yang tidak berfokus kepada konsep *maṣlahah*. Antara penulis yang menyentuh mengenai pengklasifikasian prinsip *maṣlahah* ialah Said Agil Husin Al-Munawar (1998) yang memasukkan pandangan al-Shāṭibī tentang *maṣlahah* sebagai dalil hukum. Namun, penerangan yang lebih terperinci tidak dilakukan. Begitu juga Bazro Jamhar (2012) dalam kajiannya yang bertajuk “*Konsep maṣlahah dan Aplikasinya dalam Penetapan Hukum Islam*” telah memasukkan pandangan al-Būṭī yang mengkategorikan *maṣlahah* sebagai dalil hukum. Seterusnya, Akbar Sarif dan Ridzwan Ahmad (2017) dalam penulisan mereka pula mengekodkan pandangan al-Ghazālī yang mengkategorikan *maṣlahah* sebagai metode dalam pengambilan hukum dan bukannya sebagai dalil atau sumber hukum. Oleh sebab itu, beliau menjadikan *maṣlahah* sebagai dalil yang masih bergantung kepada dalil lain yang lebih utama seperti al-Quran, al-Sunnah dan *ijmā’*. Kajian yang berfokus seperti yang ditulis oleh Asmawi (2014) dalam artikelnya yang bertajuk “*Konseptualisasi Teori maṣlahah*” pula, tidak membincangkan dengan lebih lanjut pendapat para ulama tentang pengklasifikasian yang ditentukan pada pandangan mereka. Dalam penulisan tersebut, penulis hanya menyatakan terma yang digunakan oleh ulama-ulama dalam pemakaian prinsip *maṣlahah*.

Perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana kontemporari tentang kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum juga berlaku. Hal ini boleh ditemui dalam beberapa penulisan dan kajian lepas. Antaranya ialah Abdullah Alwi Haji Hassan (2007) dan Asriaty (2015) mengkategorikan *maṣlahah* sebagai sumber hukum. Shamsiah Mohamad (2014) pula mengklasifikasikan *maṣlahah* sebagai sumber hukum sokongan kepada sumber hukum utama. Sementara Mohd Hashim Kamali (1978); Suhaimi Mohd Yusof dan Ahmad Hazim Alias (2008); Wael Hallaq (2009); Shamsiah Mohamad (2014) dan Nora’inan Bahari (2016) pula berpendapat bahawa *maṣlahah* bukanlah sumber hukum tetapi sebagai kaedah istinbat hukum yang memerlukan kepada sokongan daripada dalil-dalil yang lain. Berbeza dengan pendapat Abdul Hamid (2015) yang berpandangan bahawa *maṣlahah* merupakan dalil hukum secara mutlak dan boleh digunakan bukan sahaja pada persoalan yang tidak ada nas seperti muamalat, bahkan turut digunakan dalam perkara yang mempunyai nas seperti ibadat dan jenayah. Melihat kepada perbezaan di atas, kajian tentang kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum dalam konteks masa kini perlu dijalankan.

Selain daripada aspek penerimaan *maṣlahah* sebagai sumber hukum serta syarat-syaratnya, terdapat juga aspek-aspek lain yang berkaitan turut dikaji.

Antaranya ialah aspek sejarah. Persoalan ini ada dibincangkan dalam penulisan Mohd Noor Deris (1994) yang bertajuk “*Maṣlahah dalam Sejarah Pembinaan Hukum Islam*”. Kajian bermula dari zaman sahabat dan tabiin sehingga zaman mazhab fiqh dan terkini pemakaiannya di Malaysia. Berdasarkan fakta sejarah, penggunaan *maṣlahah* tidak wujud secara rasmi dalam perundangan yang terawal. Ia hanya diperkenalkan sejak tujuh abad hijrah yang pertama dengan pelbagai teori, definisi dan sikap ulama yang berbeza-beza (1994: 16). Sungguhpun begitu, pemakaian prinsip ini bukan sahaja kuat di sisi ulama sebagai sumber hukum malah telah diterima dan mendapat sokongan ramai ilmuwan sehingga ke hari ini (Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani et al, 2011: 59). Dalam perbincangan ini, meskipun tidak disebut secara jelas tentang kedudukan *maṣlahah* sebagai sumber hukum muamalat, namun ia dapat difahami melalui perkembangan prinsip ini. Sedikit sebanyak fakta ini dapat dijadikan panduan kepada pengkaji dalam kajian yang sedang dilakukan.

APLIKASI PRINSIP MAṢLAHAH DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM

Secara umumnya, semua ulama mazhab bersepakat bahawa prinsip *maṣlahah* boleh digunakan dalam bidang muamalat. Namun penggunaannya tidak boleh mengatasi nas *qat'i*. Dalam kajian yang dijalankan oleh Asmadi Mohamed (2003), beliau mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil ulama selain imam mazhab yang membenarkan *maṣlahah* mengatasi nas dan *ijmā'*. Antaranya ialah Najm al-Dīn al-Ṭūfi. Menurut penulis, pandangan al-Ṭūfi itu mengandungi banyak kebatilan yang jelas. Beberapa alasan telah dikemukakan oleh penulis dalam menolak pandangan al-Ṭūfi tersebut seterusnya memasukkan beberapa pendapat ulama lain bagi menyokong dakwaannya. Berhubung dengan persoalan ini, penulis berpandangan bahawa segala hukum yang diputuskan bersandarkan kepada prinsip *maṣlahah* namun berlaku pertentangan dengan nas *qat'i* atau nas *sarih* tetapi bertaraf *zanni* sama ada ianya daripada al-Quran atau al-Sunnah, maka hukum tersebut secara automatiknya tertolak. Begitu juga hal yang sama jika bertentangan dengan *qiyās* dan *ijmā'*.

Persoalan mengenai pemakaian teori *maṣlahah* mengatasi nas ini telah mendapat perhatian beberapa sarjana yang lain. Antaranya ialah Ishak Sulaiman (2006). Beliau telah melakukan kajian berhubung dengan persoalan tersebut dari sudut sejarah. Hasil kajian mendapati bahawa teori *maṣlahah* mengatasi nas Syarie sebenarnya bermula dari Imam Malik. Kemudian ia telah dikembangkan oleh al-Ṭūfi dalam beberapa keadaan yang membolehkan *maṣlahah* diutamakan berbanding nas. Antara contoh yang dikemukakan oleh penulis adalah permasalahan keharusan bagi isteri untuk memohon

fasakh sekiranya suami tidak mampu memberikan nafkah kepadanya dan keberhutangan suami kepada isteri apabila suami tidak memberikan nafkah kepada isterinya.

Seterusnya, Jamaludin Acmad Kholik (2016) pula dalam kajiannya telah meneliti perdebatan di kalangan ulama dan pemikir Islam kontemporari berhubung pemakaian *maṣlahah mulghah* iaitu *maṣlahah* yang bertentangan dengan ketentuan nas. Dalam kajian tersebut, penulis membahagikan kepada tiga kelompok kumpulan dengan kecenderungan yang berbeza dalam memahami *maṣlahah*. Pertama, kelompok tekstual yang tidak memerhatikan *maqāṣid al-sharī'ah*. Kedua, kelompok yang tidak mahu terikat dengan teks-teks al-Quran mahupun al-Sunnah dengan alasan mengikuti *maṣlahah*. Ketiga, kelompok yang mengambil sikap moderat atau pertengahan antara kedua kelompok di atas. Berdasarkan kepada ketiga-tiga kelompok tersebut, penulis cenderung memilih pandangan yang ketiga kerana ia lebih bersederhana. Selain itu, dalam penulisan tersebut penulis turut membidas pandangan sesetengah sarjana yang mendakwa Najm al-Dīn al-Ṭūfī kononnya telah secara bebas menggunakan *maṣlahah* meskipun bertentangan dengan nas Syarie. Menurut beliau, penggunaan *maṣlahah* mengatasi nas Syarie yang diperkatakan oleh al-Ṭūfī bukanlah bermaksud mengabaikan nas tersebut, tetapi melalui jalan *takhsis* dan penjelasan. Tambahan lagi, nas yang *ditakhsis* atau dijelaskan hanyalah nas bersifat *zanni* bukan *qat'i*. *Pentakhsisan* disini sama sebagaimana sunnah yang *mentakhsiskan* dan menjelaskan al-Quran. Justeru, teori *maṣlahah* yang dibawa oleh al-Ṭūfī tidaklah bertentangan dengan kehendak syarak sebagaimana yang telah dilakukan oleh pemikir usul fiqh moden yang telah bertindak mendahulukan *maṣlahah* mengatasi nas *qat'i*.

Pandangan di atas turut disokong oleh Nurhadi (2017) dalam artikelnya yang bertajuk “*Akutansi dalam Perspektif Maqasid Syariah: Analisis KHES dengan Maṣlahah Najmuddin Al-Tufi*”. Menurut penulis, meskipun teori al-Ṭūfī sering mendahulukan *Maṣlahah* ke atas nas jika berlaku kontradiksi di antara keduanya, namun bukan bererti nas itu ditinggalkan atau diabaikan terus tetapi secara *substansialnya* mendukung jiwa nas atau dalam erti kata lain mendokong prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* yang terkandung dalam nas tersebut. Kaedah ini di sisi ulama usul fiqh dikenali sebagai *istiḥsān bi al-maṣlahah*, manakala imam al-Ghazālī menyebut *maṣāliḥ al-khams*.

Selain daripada perbahasan mengenai pemakaian *maṣlahah mulghah*, aplikasi *maṣāliḥ al-mursalah* juga telah diulas dan ditulis dari pelbagai aspek dalam penulisan dan kajian-kajian lepas. Mohd Hashim Kamali dalam artikelnya yang bertajuk “*Principles Of Islamic Jurispudence*” telah menjelaskan pemakaian *maṣāliḥ al-mursalah* dalam kerangka istinbat hukum

secara umum. Menurut beliau, dalam hal-hal yang tidak terdapat padanya suatu hukum yang jelas daripada nas-nas Syarie, maka *maṣṭalah* boleh digunakan sebagai sumber hukum. Walau bagaimanapun, penggunaan *maṣṭalah* tersebut mestilah berpandukan kepada prinsip umum yang terkandung dalam nas-nas yang berkaitan. Dalam penulisan tersebut, pengkaji turut menekankan agar *maṣṭalah* *darūriyah* diberikan keutamaan. Walau bagaimanapun, Asriaty (2015) yang turut mengkaji perkara yang sama berbeza pandangan dengan Mohd Hashim Kamali. Menurut beliau, dalam hal keadaan yang tiada nas yang jelas, *maṣāliḥ al-mursalah* akan berada dalam posisi yang paling kuat sebagai landasan penetapan hukum. Bahkan ketika itu juga, kemaslahatan yang tercapai tidak perlu mendapatkan justifikasi dari nas sama ada menyokong atau maknanya yang terangkum dari sejumlah nas.

Seterusnya, terdapat juga penulisan lepas yang menyentuh tentang pemakaian *maṣāliḥ al-mursalah* secara khusus dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Namun, perbincangan mengenainya tidaklah dibuat secara mendalam sebagaimana dua penulisan di atas. Antara penulisan-penulisan tersebut adalah tulisan Suhaimi Mohd Yusof dan Ahmad Hazim Alias (2008); serta tulisan Shamsiah Mohamad (2014). Ringkasnya, kedua-dua penulisan tersebut berbeza dari sudut skop kajian. Tulisan Suhaimi menyentuh tentang pendekatan membuat keputusan Syariah dalam menyelesaikan masalah-masalah kewangan Islam. Manakala tulisan Shamsiah pula memfokuskan dari sudut pendekatan mengembangkan instrumen kewangan Islam. Dalam kedua-dua kajian tersebut, penelitian terhadap sumber-sumber hukum yang digunakan oleh Majlis Penasihat Syariah dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah dilakukan. Hasil kajian bagi kedua-dua aktiviti tersebut mendapati bahawa selain al-Quran dan Sunnah sebagai sandaran utama, sumber sokongan seperti *ijmā'*, *qiyās*, *maṣṭalah*, *istiḥsān*, *istiḥāb*, *sadd dharā'i'*, *'urf*, *maqāṣid al-sharī'ah*, *siyāsah shari'ah*, *takwil*, *istiqra'*, *talfiq* dan lain-lain juga digunakan jika suatu persoalan tidak diterangkan secara jelas oleh al-Quran atau Sunnah. Begitu juga dalam tulisan Ahmad Sufyan Che Abdullah (2006) yang mana aplikasi *maṣṭalah* hanya dinyatakan secara ringkas dalam penulisan tersebut.

Berbeza dengan kajian tentang aplikasi *maṣṭalah* yang dilakukan oleh Ridzwan Ahmad dan Aziz Che Seman (2009); Elvan Syaputra, Farid Noor Hilal, Muhammad Febriansyah, Issa Qaed, Muhammad Majdy Amiruddin, Muhammad Ridhwan Aziz (2014); serta Mohd Daud Awang dan Mehmet Asutay (2014). Menariknya dalam ketiga-tiga kajian tersebut, pengkaji lepas telah mengaitkan pemakaian *maṣṭalah* dengan isu-isu dan produk-produk kewangan Islam yang berkaitan. Walau bagaimanapun, penelitian secara menyeluruh terhadap pemakaian *maṣṭalah* oleh Majlis Penasihat Syariah

Bank Negara Malaysia dari sudut kepatuhannya dengan Hukum Syarak tidak disentuh dalam penulisan-penulisan tersebut.

Adapun kajian-kajian lepas yang berkaitan, ia hanya sekadar cadangan untuk menggubal garis panduan berhubung dengan pemakaian *maṣlahah* untuk kegunaan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mengistinbat hukum kewangan Islam. Perkara ini telah disentuh dalam tulisan Amir Shahrudin (2010); Fathullah al-Haq Muhammad Asni dan Jasni Sulong (2018). Sementara dalam tulisan Lokmanul Hakim (2017) pula, kajian tentang sejauhmana penggunaan *maṣlahah* menepati syariah yang dilakukan hanya berfokus dalam kerangka kepentingan umum sahaja.

Terdapat juga aspek-aspek lain yang telah dikaji berhubung dengan aplikasi *maṣlahah*. Antaranya ialah kesesuaian pemakaian teori *maṣlahah* ulama dalam konteks semasa. Terdahulu, Khairunnas Rajab (2009) yang telah mengkaji tentang pembaharuan hukum perundangan Islam telah mencadangkan supaya teori *maṣlahah* al-Ṭūfi digunakan. Ini kerana teori tersebut dilihat sebagai suatu pendekatan transformatif yang membolehkan hukum Islam yang diperbaharui selari dengan keperluan semasa. Oleh itu, penulis berpendapat teori *maṣlahah* yang biasa digunakan oleh para pemikir usul fiqh semasa perlu kepada rekonstruksi semula. Pandangan yang sama turut diberikan oleh M. Sidiq Purnomi (2011) agar konsep *maṣāliḥ al-mursalah* menurut pandangan al-Shāṭibī dalam ijtihad kontemporari dihasilkan semula. Penulis dalam hal ini mengharapkan teori *maṣlahah* al-Ṭūfi turut dipertimbangkan bersama. Ini kerana meskipun ia dilihat sebagai suatu kontroversi namun pemikiran tersebut dapat menghadapi persoalan semasa yang terlalu kompleks. Nurhadi (2017) yang menganalisis pemakaian teori *maṣlahah* Najm al-Dīn al-Ṭūfi dalam pembentukan akauntansi syariah turut menegaskan bahawa teori al-Ṭūfi sangat relevan digunakan bahkan mampu membentuk hukum-hukum yang komprehensif di samping menjaga *maṣlahah* umum terutama dalam bidang muamalat. Sementara Abdul Hamid (2015) dalam penulisannya pula tidak bersetuju dengan teori *maṣlahah* al-Ṭūfi yang hanya menskopkan pemakaiannya dalam bidang muamalat. Dalam hal ini, penulis lebih cenderung kepada pandangan Muhammad Abu Zahrah yang membenarkan pemakaian *maṣlahah* dalam bidang selain muamalat.

Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan sarjana di atas berbeza dengan pandangan Muslim Kara (2012). Dari sudut aplikasi *maṣlahah* dalam konteks semasa, beliau cenderung memilih konsep *maṣlahah* yang diperkenalkan oleh al-Shāṭibī. Ini kerana kajian yang dijalankan terhadap aplikasinya dalam ekonomi Syariah memberi impak positif. Penulis menegaskan bahawa

ekonomi Syariah berjaya dikembangkan dan dibangunkan secara holistik menerusi pemakaian konsep *maṣlahah* al-Shāṭibī.

Dalam aspek yang lain, terdapat juga kajian yang menyentuh persoalan susunan keutamaan *maṣlahah* dan fungsinya dalam perundangan Islam seperti Mohd Noor Deris (1995). Tulisan ini memperjelaskan kaedah penggunaan prinsip *maṣlahah* mengikut susunan keutamaan terutama dalam keadaan berlakunya pertembungan antara dua atau beberapa masalah bagi membolehkan prinsip ini dapat berfungsi sebagai sumber hukum sewajarnya. Penulis dalam perbincangan ini membahagikan keutamaan *maṣlahah* kepada tiga peringkat iaitu memelihara keperluan asasi, memelihara kepentingan manusia dalam keperluan sampingan serta memelihara keselesaan dan keharmonian hidup. Ridzwan Ahmad (2014) juga membincangkan perkara yang sama namun perbincangannya lebih luas dan terperinci. Menariknya dalam penulisan beliau, penulis telah memformulasikan suatu standard dalam mengaplikasikan prinsip *maṣlahah* berdasarkan *qawā'id al-fiqh*. Perbincangannya bersifat menyeluruh bukan sahaja mengambil kira dari sudut *maṣlahah* bahkan *mafsadah* juga diformulasikan. Selain itu, penulis dalam kajiannya juga telah memperincikan metode pentarjihan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam hukum Islam semasa. Walau bagaimanapun, skop kajian yang dibahaskan oleh Ridzwan Ahmad bukanlah fokus utama dalam kajian pengkaji.

Beralih kepada kajian seterusnya, tulisan Nora'nan Bahari (2016) membincangkan dari sudut hubungkait *maqāṣid al-sharī'ah* dan *maṣlahah* khususnya dalam membuat keputusan hukum dan fatwa. Dalam kajian ini, penulis telah menjelaskan perbezaan di antara *maqāṣid al-sharī'ah* dan *maṣlahah* yang dilihat seakan sama maksud dan pemakaiannya dalam penulisan-penulisan lepas. Menurut penulis, *maqāṣid al-sharī'ah* dan *maṣlahah* kedua-duanya saling melengkapi dan peranannya sangat signifikan bagi menjadikan suatu fatwa itu menepati hukum dan tujuan syarak. Sungguhpun begitu, dari sudut konsep dan pemakaian kedua-duanya adalah berbeza. *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan tujuan syarak sementara *maṣlahah* adalah suatu metode penetapan hukum yang mengandungi syarat-syaratnya tersendiri ketika menggunakannya dan ia wajib dipatuhi.

STANDARD SYARIAH DAN PERATURAN YANG DIKELUARKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

Rangka kerja tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia telah dikeluarkan oleh pihak pengawal selia sendiri iaitu Bank Negara Malaysia (Joni Tamkin et al., 2016: 92). Namun demikian, rangka kerja tersebut adalah

dasar dan asas sahaja. Oleh sebab itu, pihak institusi kewangan Islam perlu membangunkan tadbir urus Syariah secara komprehensif di peringkat dalaman institusi masing-masing. Sebagai panduan dan rangka kerja standard dalam tadbir urus Syariah di institusi kewangan Islam, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan *Shariah Governance Framework For Islamic Financial Institutions*. Hichem (2013) dalam kajiannya telah membuat perbandingan tadbir urus Syariah perbankan Islam secara tidak berpusat di negara-negara timur tengah dengan tadbir urus Syariah perbankan Islam secara berpusat di Malaysia. Kajian mendapati bahawa tadbir urus Syariah secara berpusat seperti dalam industri perbankan Islam di Malaysia adalah lebih berkesan dan cekap untuk memastikan setiap resolusi Syariah yang diputuskan dapat diharmonisasikan dan diseragamkan dalam semua institusi kewangan Islam.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Nawal Kasim, Sheila Nu NuHtay dan Syed Ahmad Salman (2013) pula, perbandingan tadbir urus Syariah telah dilakukan di antara institusi-institusi yang mempunyai garis panduannya tersendiri. Antaranya ialah *Accounting, Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI), *Islamic Financial Services Board* (IFSB) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Hasil kajian mendapati bahawa rangka kerja tadbir urus Syariah yang disediakan oleh ketiga-tiga institusi ini sedikit berbeza. Dalam rangka kerja tadbir urus Syariah yang disediakan oleh AAOIFI terdapat tujuh *standard* iaitu badan Penasihat Syariah, kajian Syariah, kajian Syariah dalaman, audit dan badan tadbir urus institusi kewangan Islam, kebebasan dalam badan Penasihat Syariah, penyata tadbir urus institusi kewangan Islam, tatalaku dan tanggungjawab sosial korporat ke atas institusi kewangan Islam. Manakala BNM pula, hanya terdapat empat panduan umum dalam perkara yang berkaitan dengan Syariah dan fungsi-fungsinya seperti kajian Syariah, audit Syariah, pengurusan risiko Syariah dan Syariah penyelidikan. Seterusnya di IFSB, institusi ini menganggap tadbir urus Syariah sebagai memastikan setiap proses dan struktur urusniaga Syariah yang dijalankan mematuhi kehendak Syariah melalui pengawasan bebas ke atasnya oleh institusi kewangan Islam. Melihat kepada perbezaan ini, penulis mencadangkan supaya satu piawaian atau garis panduan tadbir urus Syariah dapat dibentuk di peringkat antarabangsa sepertimana yang berlaku pada standard korporat yang dibuat oleh United Kingdom bagi memudahkan industri perbankan Islam di negara-negara luar menjalankan urusniaga Syariah dengan lebih komprehensif.

Seterusnya, kajian tadbir urus Syariah yang berfokus di negara-negara pula telah dilakukan oleh Muhibat Ayoni Oladimeji, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz dan Khairil Faizal Khairi (2015); serta Amalia Nur Latifah (2017). Pendekatan yang sama turut digunakan dalam kedua-dua penulisan ini iaitu

analisis perbandingan. Dalam tulisan Muhibat Ayoni Oladimeji, perbandingan regulasi tadbir urus Syariah yang dilakukan adalah di antara Malaysia dan Nigeria. Manakala Amalia Nur Latifah pula membuat perbandingan di antara Malaysia dan Indonesia. Secara umumnya, kedua-dua penulisan ini meneliti persamaan dan perbezaan di antara regulasi-regulasi tersebut. Namun, kajian yang dilakukan oleh Amalia lebih meluas apabila kedua-dua regulasi tersebut kemudiannya dibuat penilaian dari sudut implementasi standard AAOIFI dan IFSB ke dalamnya.

Selain mewujudkan tadbir urus Syariah, Bank Negara Malaysia juga menubuhkan Majlis Penasihat Syariah untuk menyelesaikan isu-isu kewangan Islam yang berbangkit selain meluluskan atau menolak penggunaan suatu produk di institusi perbankan Islam. Walau bagaimanapun dalam menjalankan fungsi dan tugasnya, Majlis Penasihat Syariah terikat dengan beberapa undang-undang yang mengawalinya. Terdapat banyak kajian telah dilaksanakan berhubung isu ini. Muhammad Amanullah Nasrul (2015) dalam penulisannya telah membuat kajian dari aspek kriteria Penasihat Syariah di dua buah negara yang berbeza iaitu Malaysia dan Bangladesh. Dalam menghasilkan dapatan kajian, penelitian terhadap garis-garis panduan yang berkaitan dilakukan. Perbezaan dan persamaan di antara dua garis panduan tersebut kemudiannya dinilai berdasarkan kepatuhannya dengan standard AAOIFI.

Muhammad Azam Hussain, Rusni Hassan, Aznan Hassan (2015) pula mengkaji dari sudut perkembangan undang-undang yang mengawal Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Ringkasnya, kajian ini dibincangkan dari aspek sorotan sejarah. Bermula dari kawalan awal pada tahun 1997 hingga tahun 2004 oleh Akta Perbankan dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989. Kemudian dikawal pula oleh Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Akta 519) pada tahun berikutnya hingga tahun 2009. Pada tahun 2009 sehingga kini, Majlis Penasihat Syariah dikawal oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBMA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA).

Terdapat juga penulisan yang menyentuh dari aspek membuat keputusan seperti Fathullah al-Haq Muhamad Asni dan Jasni Sulong (2018). Dalam artikelnya yang bertajuk “ *The Model Of Istinbat By The Shariah Advisory Council Of Central Bank Of Malaysia*”, penulis telah mengkaji beberapa undang-undang dan peraturan yang terpakai ke atas Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dalam membuat keputusan. Dapatan menunjukkan bahawa peruntukan yang sedia ada hanya menyentuh secara umum tanpa melihat proses dan prosedur yang membawa suatu keputusan itu kepada patuh Syariah. Lakuna ini memberi ruang kepada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia menentukan keputusan mengikut prosedurnya sendiri dan

kebebasan ini boleh dimanipulasi oleh bank untuk mengaut keuntungan yang banyak berbanding memelihara kebajikan masyarakat. Bagi mengelakkan masalah ini berterusan, penulis mencadangkan agar satu garis panduan istinbat hukum diwujudkan.

Beralih kepada kajian undang-undang perbankan Islam yang lebih umum. Ali Rama (2015) dalam penulisannya yang menyentuh tentang perkembangan bank Islam di Asia Tenggara ada membincangkan undang-undang dan peraturan perbankan Syariah di Malaysia. Perbincangan mengenai undang-undang tersebut meliputi hal penubuhan Bank Islam, tugas dan fungsi Penasihat Syariah, syarat yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan Islam, pelanggaran undang-undang dan sebagainya. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Mohd Faisol Ibrahim, Nik Mohd Fadhil Nik Mohammad, Musa Manjang (2017). Menariknya, kajian ini membandingkan peraturan dan pengawasan Bank Islam di dua buah negara yang berbeza iaitu Malaysia dan Gambia. Terdapat persamaan dan perbezaan dalam pelaksanaan kawalan bank Islam di kedua-dua buah negara tersebut. Dari sudut persamaan, kedua-dua negara mempunyai fungsi utama bank pusat yang sama. Manakala perbezaan pula adalah dari sudut undang-undang yang mengawal. Di Malaysia, institusi perbankan Islam di kawal di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mana undang-undang tersebut tidak terpakai ke atas institusi perbankan konvensional. Sebaliknya di Gambia, kedua-dua bank Islam dan konvensional di kawal di bawah satu undang-undang yang sama. Selain itu di Malaysia, isu-isu kewangan Islam yang berbangkit diselesaikan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara sementara di Gambia, tugas menyelesaikan masalah tersebut diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri bahagian Majlis Agama Islam.

Standard-standard Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan salah satu tadbir urus yang disediakan untuk mengawal suatu produk atau perkhidmatan Islam yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam agar tidak melangkaui had batasan Syarak. Rusni Hassan (2017) dalam penulisannya telah membuat kajian dari sudut jurang antara peraturan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan amalan di institusi perbankan Islam. Walau bagaimanapun, penelitian yang dilakukan dalam kajian tersebut hanya ke atas produk *mushārahah mutanāqīshah* sahaja. Dalam menilai tahap kepatuhan amalannya dengan peraturan BNM, pengkaji telah memilih dua bank di Malaysia iaitu Maybank Islamic dan HSBC Amanah. Hasil penelitian mendapati bahawa pelaksanaan urusan *mushārahah mutanāqīshah* di kedua-dua bank tersebut tidak mematuhi standard Syariah yang ditetapkan oleh Bank Negara.

Selain daripada kajian terhadap standard Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, terdapat juga kajian yang mencadangkan suatu standard baru dibentuk. Sebagai contoh, M. Fahim Khan (2007) dalam artikelnya yang bertajuk “*Setting Standard For Shariah Application in the Islamic Financial Industry*” telah menyingkap beberapa faktor berlaku perbezaan aplikasi Syariah dalam sistem kewangan Islam semasa. Sedikit sebanyak perbezaan ini mengganggu pertumbuhan global industri perbankan Islam jika cabaran yang timbul daripada penggunaan kepelbagaian dan fleksibiliti fiqh tidak diatur dengan betul. Industri kewangan dilihat mengambil kesempatan daripada perbezaan pandangan dalam fiqh sehingga menimbulkan beberapa isu seperti sesuatu produk yang ditawarkan telah menyimpang daripada kehendak Syariat Islam, produk-produk yang ditawarkan tidak telus dan tidak memberi keadilan yang secukupnya kepada pelanggan dan ketiadaan garis panduan khusus sehingga membuka ruang kepada pihak-pihak berkepentingan dalam industri untuk menyalahguna perbezaan pandangan ini. Justeru itu, penulis dalam kajian ini menyarankan agar suatu *standard* aplikasi Syariah dibentuk bagi kegunaan institusi-institusi kewangan Islam. Ibrahim V. Fofana (2015) dalam penulisannya juga menyatakan idea yang sama berkaitan pembentukan suatu *standard* global amalan perbankan dan kewangan Islam.

KAJIAN TENTANG KONSEP DAN APLIKASI *IJĀRAH* DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM

Ijārah adalah salah satu konsep muamalat yang diimplementasikan oleh institusi perbankan Islam dalam membentuk produk-produk yang berteraskan Syariah. Antara produk-produk tersebut ialah pembiayaan *ijārah*, *ṣukūk ijārah*, *al-ijārah thumma al-bay’ (AITAB)*, *ijārah fī al-dhimmah*, *ijārah muntahiya bi al-tamlīk* dan macam-macam lagi. Dalam usaha Bank Negara Malaysia (BNM) memastikan pematuhan Syariah dalam keseluruhan aktiviti bagi setiap urusan *ijārah*, suatu garis panduan atau dikenali sebagai *standard ijārah* digubal.

Antara aspek yang disentuh berkaitan dengan *ijārah* dalam penulisan-penulisan lepas ialah pelaksanaan pembiayaan *ijārah* dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. Mohd Sobri Abdul Ghafar (2006) dalam kajiannya membincangkan tentang paradigma *ijārah*, penglibatan dan pencapaian perbankan Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi penawarannya, modus operandi, kerangka perundangan, percukaian, pemasaran, masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan dan prospek yang ada padanya. Kajian ini dilihat lengkap dan menyeluruh skop pengkajiannya. Namun, dapatan yang diperolehi kurang relevan untuk digunakan pada masa kini ekoran terdapat

penambahbaikan urusan *ijārah* yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

Seterusnya, Muhammad Haroon Amer dan Mohammad Saud Ansari (2014) pula mengkaji dari sudut perbezaan pembiayaan *ijārah* dengan urusan sewa di perbankan konvensional. Dalam penulisan tersebut, perbankan konvensional didapati menjalankan urusan *ijārah* secara bercampur dengan jualan sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta Sewa Beli. Sementara urusan *ijārah* yang dijalankan di perbankan Islam pula tidak bercampur dengan jualan. Kontrak kedua-duanya dibuat secara berasingan memandangkan setiap urusan tersebut bebas diatur oleh peraturan yang berbeza.

Manakala Hakimah Mohd Zin, Hussin Salomon dan Nurdianawati Irwani Abdullah (2016) pula mengkaji isu-isu yang berbangkit dalam pembiayaan aset berasaskan *ijārah*. Terdapat beberapa isu yang dikenalpasti dalam kajian ini seperti pemindahan kesemua tanggungjawab dan risiko aset kepada penyewa, pengabaian prinsip kontrak *ijārah* yang sebenar dalam produk *al-ijārah thumma al-bai'* (AITAB) semata-mata agar pihak bank mengelak dari memikul tanggungjawab sebagai pemilik, pelaksanaan kontrak *ijārah* yang bertentang dengan konsep asal yang sebenar, kontrak *ijārah* yang dibentuk hanyalah satu *hilah* bukan alternatif sebenar kepada penghapusan *riba'*, dan ketiadaan undang-undang khusus untuk mengawal selia pembiayaan tersebut. Dalam analisis kajian, penulis turut mengulas faktor-faktor yang mendorong isu-isu tersebut berbangkit.

Analisis yang lebih terfokus kepada suatu produk *ijārah* boleh ditemui dalam beberapa penulisan dan kajian lepas yang dihasilkan oleh Mohd Sollehuiddin Shuib, Mohd Taquiuddin Mohd dan Ahmad Azam Sulaiman (2013); Mohd Usoff Zakaria dan Ab Mumin Ab Ghani (2015); Hakimah Muhammad Zin, Hussin Salomon dan Nurdianawati Irwani Abdullah (2016). Secara umumnya, perbincangan di dalam ketiga-tiga penulisan ini menyentuh mengenai produk *al-ijārah thumma al-bay'* (AITAB). Namun aspek yang dibincangkan adalah berbeza. Mohd Sollehuiddin Shuib dalam kajiannya membuat perbandingan di antara produk *bay' bithamin ajil* (BBA) dengan *al-ijārah thumma al-bay'* (AITAB) dalam konteks pembiayaan perumahan bagi mencari mekanisme yang terbaik dalam menyelesaikan isu kemungkiran pemaju. Manakala Mohd Usoff Zakaria dan Ab Mumin Ab Ghani (2015) pula menghadkan skop kajian kepada pembiayaan kenderaan berasaskan produk AITAB yang disediakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Tulisan Hakimah Muhammad Zin pula memfokuskan kajian kepada pemindahan hak milik yang terdapat dalam instrumen AITAB secara lebih meluas di Malaysia.

Selain daripada AITAB, konsep *ijārah* juga digunakan dalam membentuk bon Islam. Menurut istilah perbankan Islam, ia dikenali sebagai *ṣukūk ijārah*. Menurut sejarah, *ṣukūk ijārah* mula dibentuk berdasarkan idea yang dicadangkan oleh Monzer Khaf dalam penulian beliau yang mengatakan bahawa “the use of assets *ijārah* bonds for bridging the budget gap”. Bertitik tolak daripada idea ini, *ṣukūk ijārah* telah dibentuk dan diaplikasi di Malaysia. Antara penulis lepas yang mengkaji tentang *ṣukūk ijārah* ialah Muhammad Azizur Rahman Ramli (2010); Mohd Yahya Mohd Husin, Fidlizan Muhammad, Salwa Amirah Awang, Ahmad Azam Sulaiman (2012); Asma Hakimah Abd Halim, Mahdi Zahraa (2014); dan Edib Smolo (2017). Dalam penulisan-penulisan di atas, rata-rata aspek yang dibincangkan dalam kajian tersebut adalah berbeza. Contohnya tulisan Muhammad Azizur Rahman menganalisis konsep dan amalan *ṣukūk ijārah* dalam pasaran modal Islam di Malaysia. Sementara Mohd Yahya pula mengkaji dari sudut perkembangan *ṣukūk ijārah*. Kajian yang dilakukan oleh Asma pula lebih kepada perbandingan ciri-ciri *ṣukūk ijārah* dengan kontrak *ijārah* dan *al-‘inah*. Begitu juga dengan Edib Smolo yang turut membandingkan *ṣukūk ijārah* dengan produk-produk kewangan Islam yang lain seperti *bay’ bithamin ajil* (BBA) dan *mushārahah mutanāqīshah* (MM).

Terdapat juga kajian lepas yang menyentuh tentang manfaat yang terkandung dalam konsep *ijārah*. Mohd Sabri Abdul Ghafar dan Ab Mumin Ab Ghani (2006) dalam penulisannya membincangkan tentang manfaat yang disewakan dalam kontrak *ijārah* menurut empat mazhab. Menurut penulis, sebelum kontrak *ijārah* dibuat, manfaat itu hendaklah ditentukan terlebih dahulu. Ini kerana pengetahuan tentang manfaat penting untuk menentukan kadar *ujrah* yang patut dikenakan. Berhubung dengan persoalan ini, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Mat Noor Mat Zin, Salmy Edawati Yaacob, Ruzian Merkom, Ahmad Dahlan Salleh, Mohd Firdaus Mohd Hatta, Amir Fazlim Yusoff dan Hanzalah Zainab (2016) telah membuat satu kajian lanjutan tentang pemilikan bermanfaat dari sudut perundangan di Malaysia dan Hukum Syarak. Menurut penulis, konsep pemilikan manfaat dari perspektif Islam dan perundangan sedia ada perlu diharmonisasikan melalui satu parameter.

Beralih kepada kajian dari aspek keselarasan produk *ijārah* dengan Hukum Syarak, Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2009) telah mengkaji hadis-hadis *ijārah* yang terdapat di dalam kitab *al-ṣaḥīḥayn*. Di samping itu, beliau juga mengenalpasti produk-produk *ijārah* yang ditawarkan di institut perbankan Islam di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, urusan *ijārah* yang terdapat dalam muamalat semasa adalah selari dengan hadis-hadis *al-ijārah* yang terkandung di dalam kitab hadis *al-ṣaḥīḥayn*, bahkan urusan tersebut berpotensi untuk dikembangkan lagi dan bukan hanya tertumpu kepada

pajakan kewangan dan sewa beli semata-mata. Adeyeno Wale Lateef, Alawiye Abdulmumin Abdurrazaq, Syahirah Abdul Shukor, Amalina Ahmad Tajuddin (2017) dalam kajiannya pula meneliti pelaksanaan kontrak *ijārah* dalam sistem perbankan Islam dari aspek kepatuhannya dengan prinsip *maqāsid al-sharī'ah*. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, penulis berpuas hati dengan pelaksanaan kontrak *ijārah* tersebut kerana selari dengan tujuan Syarak.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbahasan penulisan-penulisan lepas sepertimana yang disorotkan di atas, pengkaji berpendapat bahawa masih terdapat ruang yang boleh dikaji berhubung dengan penggunaan *maslahah* sebagai sumber hukum khususnya dalam bidang perbankan Islam di Malaysia. Tidak dinafikan bahawa masalah baru sering timbul seiring dengan perkembangan urusan *ijārah* dari semasa ke semasa. Hal ini secara tidak langsung menjadikan peranan *maslahah* sangat penting terutama dalam menyelesaikan masalah-masalah yang tidak terdapat hukum yang jelas daripada al-Quran atau hadis. Selain daripada ketiadaan garis panduan yang disediakan, kajian tentang penggunaan *maslahah* oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga masih kurang dibincangkan dalam literatur akademik. Selain itu, terdapat pelbagai pandangan telah disuarakan oleh para pengkaji lepas tentang kedudukan *maslahah* sebagai sumber hukum dan syarat-syaratnya yang diperlu dipatuhi. Melihat kepada perbezaan pandangan ini, adalah wajar untuk pengkaji menganalisis semua pandangan-pandangan tersebut secara kolektif dalam usaha menentukan konsep *maslahah* yang paling hampir dengan kehendak Syarak.

RUJUKAN

- Abbas Arfan (2013). “*Maslahah* dan Batasan-Batasannya menurut al-Buthi,” *Jurnal Syariah dan Hukum*, vol. 5 , no. 1.
- Abdul Hamid (2015). “Aplikasi Teori *Maslahah* Najm al-Din Tufi dalam Penyelesaian Sengketa Perjanjian Bisnis di Bank Syariah,” *Jurnal al-Adalah*, vol. 12, no. 4.
- Abdullah Alwi Haji Hassan (2007). “Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonisasian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Kini,” *Jurnal Syariah*, vol. 15, no. 2.
- Adeyeno Wale Lateef et al. (2017). “Maqasid al-Shariah in *Ijārah* (Leasing) Contract of Islamic Banking System,” *Journal of Islamic Finance*, vol. 6, no. 2.

- Ahmad Munif (1999). "Maslahah Menurut Ghazali dan Relevansinya dengan Pembaharuan Hukum Islam." Tesis Doktor Falsafah, IAIN Syarif Hidayatullah, Indonesia.
- Ahmad Qorib & Isnaini Harahap (2016). "Penerapan *Maslahah Mursalah* dalam Ekonomi Islam," *Jurnal Analytica Islamica*, vol. 5, no. 1.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah (2006). "Beberapa Prinsip *Ijtihad* dalam Transaksi Kewangan Islam Semasa antara Fleksibeliti dan Kekangan," dalam *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*, ed. Ab. Mumin Ab. Ghani & Fadhilah Mansor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Akbar Sarif & Ridzwan Ahmad (2016). "Konsep *Maslahah Mafsadah* Sebagai Asas Pemikiran Maqasid Syariah: Satu Analisis," *Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam (Ijtihad)*, vol. 10, no. 2.
- Ali Rama (2015). "Analisis Deskriptif Perkembangan Perbankan Asia Tenggara," *The Journal of Tauhiddinomics*, vol. 1, no. 2.
- Amalia Nur Latifah (2017). "Regulasi dan Pengungkapan *Shariah Governance*: Perbandingan Antara Indonesia dan Malaysia." Disertasi Sarjana, Fakulti Syariah dan Hukum, Universitas Indonesia.
- Amir Shaharuddin (2010). "*Maslahah-Mafsadah* Approach in Assecing the Shariah Compliance of Islamic Banking Products," *International Journal of Business and Social Science*, vol. 1, no. 1.
- Ariffin Zakaria (2013). "A Judicial Perspective on Islamic Finance Litigation in Malaysia," *IJUM Law Journal*, vol. 21, no. 2.
- Asma Hakimah Abd Halim & Mahdi Zahraa (2014). "Sukuk *Ijārah*: To What Extent They Comply or Contradict the *Ijārah* Contract and Bay' Inah?," *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, vol. 22.
- Asmadi Mohamed (2003). "*Maslahah* dan Nas : Suatu Wacana Semasa," *Jurnal Syariah* 11, no. 2.
- Asriaty (2015). "Penerapan *Maslahah Mursalah* dalam Isu-Isu Kontemporari," *Jurnal Madania*, vol. 19, no. 1.
- Bazro Jamhar (2012). "Konsep *Maslahah* dan Aplikasinya dalam Penetapan Hukum Islam." Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Wali Songo Semarang, Indonesia.
- Edib Smolo (2010). *al-Bay' Bithamin Ajil, Musharakah Mutanaqisah and Ijārah Sukuk: A Theoretical Comparison*. Germany: Lambert Academic Publishing.
- Elvan Syaputra et al. (2014). "*Maslahah* as an Islamic Source and Its Application In Financial Transactions," *Quest Journals, Journal of Research in Humanities and Social Science*, vol. 2, no. 5.

- Fathullah al-Haq Muhammad Asbi & Jasni Sulong (2018). "The Model of Istinbat by the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia," *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, vol. 8, no. 1.
- Hakimah Muhammad Zin et al. (2016). "Pembiayaan Aset Berasaskan *Ijārah* di Malaysia dan Isu-Isu Berkaitan," *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, vol. 2, no. 1.
- Hayatullah Laluddin (2006). "The Concept of Maslahah with Special Reference to Imam Ghazali and Its Potential Role in Islamization of Sociology." Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hendri Hermawan Adinugraha (2018). "*al-Maslahah al-Mursalah* dalam Penentuan Hukum Islam," *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, vol. 4, no. 1.
- Hendri Hermawan Adinugraha (2018). "*al-Maslahah al-Mursalah* dalam Penentuan Hukum Islam," *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, vol. 4, no. 1.
- Hichem (2013). "Sharia Governance in Islamic Banks : Effectiveness and Supervision Model," *Journal of Middle Eastern Finance and Management*, vol. 6, no. 3.
- Hj. Said Agil Husin al-Munawar (1998). "Konsep *Maslahah* Sebagai Salah Satu Sumber Perundangan Islam," *Jurnal Islamiyat*, vol. 18 & 19.
- Ibrahim V. Fofana (2015). "Towards a Global Standard of Islamic Banking and Finance Practice: A Review of the Relevant Principles and Products by the Management Body of Islamic Banks," *Journal of Islam, Law and Judiciary*, vol. 1, no. 2.
- Imam Fawaid (2014). "Konsep Pemikiran al-Tūfī Tentang *Maslahah* Sebagai Metode Istinbat Hukum Islam," *Jurnal Lisan al-Hal*, vol. 6, no. 2.
- Intan Zarina (2011). "Konsep Masalih Mursalah Menurut Pandangan Liberal: Satu Analisis Kritis." Seminar Persidangan Serantau Isu-Isu Fiqh Semasa IV, Jabatan Mufti Kemboja.
- Ishak Sulaiman (2006). "The Theory of Priority of *Maslahah* Over the Legitimacy of Nass of al-Quran and the Hadith," *Al-Bayan: Journal of al-Quran & al-Hadith*, vol. 4.
- Jamaludin Acmad Kholik (2016). "*Maslahah Mursalah* dalam Dinamika Ijtihad Kontemporari," *Jurnal Emperisma*, vol. 25, no. 1.
- Joni Tamkin et al. (2016). "Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013," *Jurnal Pengurusan*, vol. 47.

- Khairunnas Rajab (2009). "Rekontruksi Teori *Maslahah* dalam Kajian Pembaharuan Perundangan Islam: Analisis Pemikiran Najm al-Dīn al-Ṭūfī," *Jurnal Syariah*, vol. 17, no. 3.
- Lokmanul Hakim Hussin (2017). "Analisis Syariah Terhadap Penggunaan Konsep *Maslahah Ammah* dalam Produk Kewangan Islam," *Jurnal Muamalat*, vol. 10.
- M. Fahim Khan (2007). "Setting Standard for Shariah Application in the Islamic Financial Industry," *Journal Thunderbird International Business Review*, vol. 49, no. 3.
- M. Sidiq Purnomo (2011). "Reformulasi *Maslahah al-Mursalah* al-Syathibi dalam Upaya Ijtihad Kontemporari," *Jurnal al-Adalah*, vol. 10, no. 2 .
- Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2009). "Hadith *al-Ijārah* dalam *al-Ṣaḥīḥayn*: Prinsip dan Aplikasi dalam Muamalat Semasa." Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Daud Awang & Mehmet Asutay (2014). "Understanding of *Maslahah* and *Maqasid al-Shariah* Concepts on Islamic Banking Operation in Malaysia," International Conference of Global Islamic Studies.
- Mohd Faisol Ibrahim et al. (2017). "Comparative Analysis of Regulation and Supervision of Islamic Banking between Malaysia and Gambia," *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, vol. 11.
- Mohd Hashim Kamali (1996). "Methodological Issues in Islamic Jurisprudence," *Arab Law Quaterly*, vol. 11, no. 1.
- Mohd Noor Deris (1994). "*Maslahah* dalam Sejarah Pembinaan Hukum Islam," *Jurnal Syariah*, vol. 2, no. 1.
- Mohd Noor Deris (1995). "Kesesuaian *Maslahah* Sebagai Asas Penerapan Nilai-Nilai Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah*, vol. 3.
- Mohd Sabri Abdul Ghafar (2007). "Pembiayaan *Ijārah* dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia." Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Sollehuiddin Shuib et al. (2013). "Kemungkiran Pemaju dalam Produk Pembiayaan Perumahan Secara Islam: Analisis Pendekatan Penyelesaian," *Jurnal Pengurusan*, vol. 38.
- Mohd Usoff Zakaria & Abd Mumin Ab Ghani (2015). "Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan *al-Ijārah Thumma al-Bay'* (AITAB) di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Isu-Isu Berkaitan," *Jurnal Syariah*, vol. 23, no. 3.

- Mohd Yahya Mohd Husin et al. (2012). "Development of *Sukuk Ijārah* in Malaysia," *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, vol. 8, no. 2.
- Muhammad Amanullah (2015). "Criteria of Shariah Supervisory Committee: A Comparative Study between Guidelines of Bangladesh Bank and Bank Negara Malaysia," *Journal Intellectual Discourse*, vol. 23 (2015).
- Muhammad Azam Hussain et al. (2015). "Analysis on Development of Legislations Governing Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia," *Jurnal Syariah*, vol. 23, no. 2.
- Muhammad Azizur Rahman Ramli (2013). "*Sukuk Ijārah*: Konsep dan Amalannya dalam Pasaran Modal Islam di Malaysia." Kertas Prosiding bagi Persidangan Sistem Ekonomi Islam ke-5 (iECONS 2013) 4-5 September 2013.
- Muhammad Haroon Amer & Mohammad Saud Ansari (2014). "Islamic Banking: *Ijārah* and Conventional Leasing," *Journal iiste*, vol. 4, no. 9.
- Muhibat Atoni Oladimeji et al. (2015). "Regulatory and Supervisory Shariah Governance of Islamic Banking System: Comparative Analysis of Malaysia and Nigeria," *Journal of Islam, Law and Judiciary*, vol. 1, no. 4.
- Muslimin Kara (2012). "Pemikiran al-Syatibi tentang *Maslahah* dan Implementasinya dalam Perkembangan Ekonomi Syariah," *Jurnal ASSETS*, vol. 2, no. 2.
- Nawal Kasim et al. (2013). "Comparative Analysis on AAOIFI, IFSB and BNM Shariah Governance Guideliness," *International Journal of Business and Social Science*, no. 4.
- Nidal al-Sayyed (2009). "Shariah Board, The Task of Fatwa, and Ijtihad in Islamic Economics and Finance," *Munich Personal RePEc Archive (MPRA) Paper No. 20204*, 5 Jun 2009.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani et al. (2011). "Maslahah As A Source of Islamic Transactions (Muamalat)," *Jurnal Islamiyyat*, vol. 33.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani et al. (2016). "Analisis Syariah Terhadap Konsep Pemilikan Bermanfaat (Beneficial Ownership) dalam Pembiayaan Perumahan," *Journal Contemporary Islamic Law*, vol. 1, no. 2.
- Noor Naemah Abdul Rahman et al. (2013). "Relevansi Teori *al-Maslahah* Menurut al-Syatibi," *Jurnal Al-Risalah*, vol. 13, no. 1.

- Nora'nan Bahari (2016). "Maqasid Syariah dan Masalah dalam Fatwa." Seminar Persidangan Aqidah, Dakwah dan Syariah (IRSYAD).
- Nurhadi (2017). "Akutansi dalam Perspektif Maqasid Syariah: Analisis KHES dengan *Maslahah* Najmuddin al-Ṭūfi," *Jurnal Akutansi & Ekonomika*, vol. 7, no. 1.
- Ridzwan Ahmad & Aziz Che Seman (2009). "Pemakaian *Maslahah* Terhadap Konsep Nilai Masa Wang dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia," *Jurnal Fiqh*, no. 6.
- Ridzwan Ahmad (2004). "Standard *Maslahah* dan Mafsadah dalam Penentuan Hukum Semasa di Malaysia." Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rusni Hassan (2017). "Analysis the Gap Between BNM Regulation and MM Application in Islamic Banking," *European Journal of Islamic Finance*, no. 8.
- Sakirman (2016). "Urgensi *Maslahah* dalam Konsep Ekonomi Syariah," *Jurnal Social-Religion Research*, vol. 1, no. 1.
- Selamat Hashim (2010). *Maslahah dalam Perundangan Hukum Syarak*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Shamsiah Mohamad (2014). "Aplikasi Syariah dalam Mengembangkan Kewangan Islam (Analisis Sumber-Sumber Syariah dan Kaedah-Kaedah *Fiqh* dalam Keputusan MPS-SS Malaysia)," *Jurnal al-Risalah*, vol. 14, no. 1.
- Suhaimi Mohd Yusof & Ahmad Hazim Alias (2008). "Pendekatan Membuat Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam," *Jurnal Muamalat*, vol. 1.
- Syaiful Bahri (2015). "Menakar Liberalitas Pemikiran al-Ṭūfi Tentang *Maslahah* dalam Hukum Islam," *Jurnal Universum*, vol. 9, no. 2.